

# PERJUMPAAN AKS SUMBER MANUSIA BERSAMA KONTINJEN TUDM MALBATT 850-6 & 850-7

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5502-perjumpaan-aks-sumber-manusia-bersama-kontinjen-tudm-malbatt-850-6-850-7](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5502-perjumpaan-aks-sumber-manusia-bersama-kontinjen-tudm-malbatt-850-6-850-7)



LEBANON, 12 Okt 19 – Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Hj Md Fauzi bin Saleh TUDM telah mengadakan sesi dialog bersama Kontinjen TUDM MALBATT 850-6 & 850-7 di Conference Room, Kem Marakah, Lebanon.

Antara amanat yang disampaikan oleh beliau adalah berkenaan proses pemilihan anggota, proses kenaikan pangkat dan kursus kerjaya termasuk tanggungjawab untuk mengemaskini data HRMIS di MTU-BSM, proses penyambungan perkhidmatan dan pertukaran ke Sabah dan Sarawak. Selain itu, beliau turut menasihatkan agar Kontinjen TUDM dapat menjaga nama baik negara dan perkhidmatan sepanjang bertugas sebagai anggota Misi Pengaman.

Turut hadir Komander Pangkalan Udara Subang, Mej Jen Dato' Hj Muhammad Mudzmir Ong bin Abdullah TUDM, selaku PS 1 Tadbir MALBATT 850-6, Lt Kol Mohd Omar bin Mohd Yusof TUDM dan selaku PS 1 Tadbir MALBATT 850-7, Lt Kol Mohd Shafik bin Saadun TUDM.